

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI  
HAJI ABDUL KARIM [ BATANG LUPAR ]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [ BATANG LUPAR ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tentang perancangan Kementerian membantu dalam penyediaan pembantu penjaga kanak-kanak dari rumah klien berbanding di pusat jagaan, memandangkan trend ibu bapa lebih memilih penjagaan di rumah bagi mengelak risiko COVID-19 dan anak-anak menjalani PdPR.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini menyedari bahawa perkhidmatan penyediaan pengasuh kanak-kanak dari rumah klien merupakan satu pendekatan baharu dalam bidang pengasuhan atau penjagaan di Malaysia disebabkan terdapatnya permintaan terhadap perkhidmatan tersebut seiring dengan norma baharu akibat pandemik COVID-19.

Melihat kepada situasi tersebut, Kementerian ini telah mula meneliti keperluan dan bidang fungsi agensi yang bersesuaian bagi tujuan pengawalseliaan perkhidmatan ini dengan mengambil kira aspek keselamatan kanak-kanak dan kaedah pelaksanaannya secara berkesan. Ini kerana buat masa ini, Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 bagi kanak-kanak bawah umur 4 tahun sahaja dan Akta Pusat Jagaan 1993 di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hanya memperuntukkan pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan TASKA dan Pusat Jagaan.

Dalam hal ini, Kementerian ini sedang mengadakan sesi libat urus secara berterusan bersama agensi terlibat memandangkan perkara ini memerlukan keputusan dasar untuk menyediakan perkhidmatan pengasuh kanak-kanak di rumah klien sebagai satu sistem sokongan keluarga. Adalah diharap, kerjasama bersepadu ini dapat membuka peluang kepada lebih ramai ibu bapa untuk keluar bekerja khususnya penyertaan golongan wanita dalam pasaran kerja yang boleh memanfaatkan kanak-kanak dan institusi keluarga, sekali gus membantu meningkatkan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.